



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI
MAKANAN**

Ministry of Agriculture and Food Industries

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafi.gov.my

KENYATAAN MEDIA

**BANTUAN TAMBAHAN KEPADA PESAWAH YANG TERKESAN AKIBAT BANJIR
DI DAERAH YAN DAN KUALA MUDA, KEDAH**

PUTRAJAYA, 30 OGOS 2021- Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Ronald Kiandee, telah mengumumkan bantuan tambahan sebanyak RM2.8 juta melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) kepada pesawah-pesawah yang terkesan akibat bencana alam yang berlaku di Yan dan Kuala Muda, Kedah.

Kadar bantuan yang diberikan ini adalah sebanyak RM1,800 per hektar dengan keluasan maksimum sebanyak 3 hektar. Penilaian bagi pesawah yang terlibat akan dilaksanakan oleh jabatan teknikal tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee mengumumkan perkara ini selepas diberikan taklimat ringkas oleh pengurusan tertinggi mengenai situasi banjir di Kedah dalam acara simbolik mengetik kad perakam waktu secara rasmi di pejabatnya di Wisma Tani hari ini setelah selesai istiadat mengangkat sumpah jawatan.

Turut hadir, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB Dr Nik Muhammad Zawawi bin Salleh, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI, dan pegawai-pegawai kanan MAFI yang lain.

YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee pada hari ini telah dimaklumkan bahawa 34.2 hektar kawasan tanaman padi di kawasan Boi, Yan yang berusia antara 75 hingga 105 hari di bawah seliaan MADA telah terjejas. Manakala, kawasan luar jelapang yang terkesan adalah di bawah seliaan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merbok seluas 18.4 hektar yang berusia antara 95 hingga 105 hari serta kawasan di bawah seliaan Jabatan Pertanian melibatkan 15,759 hektar yang berusia antara 95 hingga 110 hari. Ini menjadikan keseluruhan keluasan yang terlibat adalah 15,811.6 hektar. Bilangan keseluruhan pesawah yang terkesan masih dalam banciaan.

Kejadian banjir ini mengakibatkan hasil padi tidak dapat dituai sepenuhnya disebabkan oleh kejadian padi rebah selepas air banjir surut daripada kawasan sawah padi. Kualiti padi yang dituai juga akan terkesan dan seterusnya menjejaskan pendapatan pesawah yang terlibat.

Terdahulu, Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM1.1 juta bagi membaikpulih 34 hektar kawasan sawah padi di Kampung Titi Bakong dan Kampung Rendang Pasir, Yan, yang musnah dalam kejadian banjir lumpur akibat fenomena Kepala Air dari Puncak Gunung Jerai pada 18 Ogos lalu. Peruntukan tersebut merupakan sebahagian daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM75 juta yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika meninjau lokasi bencana tersebut pada hari Selasa yang lalu.

Selain itu, MAFI juga akan memperuntukkan bantuan lain daripada Tabung Bantuan Bencana Agromakanan bagi golongan sasaran dalam meneruskan kelangsungan hidup memandangkan pendapatan mereka terjejas. Kerajaan sebelum ini telah memperuntukkan sebanyak RM80 juta untuk tabung berkenaan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) bagi membantu pesawah, petani dan penternak yang kehilangan hasil akibat daripada bencana alam. Sehingga 30 Ogos 2021, MAFI telah menyalurkan sejumlah RM4.34 juta kepada golongan sasaran yang terjejas akibat bencana alam daripada tabung ini.

Pada masa yang sama, bagi membantu meringankan beban golongan petani, penternak dan nelayan yang terkesan akibat bencana ini MAFI juga telah menggerakkan bantuan Bakul Makanan melalui inisiatif MAFI Prihatin.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)

30 OGOS 2021